

REDEFINING PHILANTHROPY WITHIN THE FRAMEWORK OF ZAKAT DEVELOPMENT GOALS (ZDGs) PENTAKRIFAN SEMULA FILANTROPI DALAM KERANGKA MATLAMAT PEMBANGUNAN ZAKAT (ZDGs)

MUHAMMAD SYUKRI SALLEH*

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang
syukri54@gmail.com

*Corresponding author: syukri54@gmail.com

A PEER-REVIEWED ARTICLE

(RECEIVED – 6/7/2025: ACCEPTED – 2/4/2026: PUBLISHED – 1/5/2026)

DOI: <https://doi.org/10.65404/JAWHAR.401001>

ABSTRACT

This paper addresses the issue of philanthropy in the empowerment of zakat. The objective is to redefine philanthropy to ensure its application in the empowerment of zakat remains aligned with the Islamic framework. So far, most of the terms related to zakat, such as philanthropy, Islamic social finance, poverty, productive *mustahiq* (asnaf), non-productive *mustahiq*, and so on, have rarely been redefined according to Islam. Most still use common definitions dominated by western ethno-centric thinking. In this paper, content and textual analysis of secondary sources revealed that the redefinition of philanthropy in the context of zakat empowerment must occur within the framework of Zakat Development Goals (ZDGs). The ZDGs framework must incorporate a theoretical framework centred on the discipline of Islamic-based development. The principles encompass the mould, actors, time scale, framework, methodologies, equipment, and ultimate objective. The central framework is *Maqasid al-Shariah*, which comprises not only the level of *al-daruriyah*, concerned with the

preservation of religion, life, intellect, lineage, and property, but also the level of *al-hajiyyah*, which complements it, and the level of *al-tahsiniyyah*, which perfects the safeguarding of these five essential elements. Finally, this paper finds that the term philanthropy, redefined according to the ZDGs framework, means “the ongoing charitable and charitable behavior of humans in this world in fulfilling their function as servants and caliphs of Allah SWT, based on Islamic philosophy, taking into account their agreement with Allah SWT in the spiritual realm and the rewards that Allah SWT promises in the afterlife, purely as worship, to seek only the pleasure of Allah SWT”.

Keywords: Zakat, Philanthropy, Zakat Development Goals (ZDGs)

ABSTRAK

Makalah ini adalah berkaitan dengan persoalan filantropi dalam pemerkasaan zakat. Ia bertujuan mencadangkan pentakrifan semula istilah filantropi ini agar penggunaannya dalam pemerkasaan zakat tidak tergelincir daripada landasan kerangka Islam. Setakat ini, kebanyakan istilah berkaitan zakat, umpamanya filantropi, kewangan sosial Islam, kemiskinan, *mustahiq* (asnaf) produktif, *mustahiq* tidak produktif, dan sebagainya, jarang ditakrif semula mengikut Islam. Kebanyakannya masih menggunakan takrif lazim yang didominasi oleh pemikiran etnosentrik Barat (western ethno-centric). Dalam makalah ini, dengan menggunakan kaedah analisa kandungan dan analisa tekstual ke atas sumber-sumber sekunder, pentakrifan semula istilah dan penggunaan filantropi dalam pemerkasaan zakat ini didapati perlu dibuat dalam kerangka Matlamat Pembangunan Zakat (Zakat Development Goals, ZDGs). Kerangka ZDGs ini harus mempunyai kerangka teoritis yang berpaksikan kepada disiplin pembangunan berteraskan Islam. Prinsipnya meliputi acuan, pelaku, skala waktu, kerangka, perkaedahan, peralatan, dan matlamat akhir. Paksinya pula adalah Maqasid al-Shari’ah yang merangkumi bukan sahaja tahap *al-daruriyah* yang terhad kepada menjaga agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta sahaja, tetapi juga tahap *al-hajiyyah* yang melengkapkan, dan tambah-tambah lagi tahap *al-tahsiniyyah* yang menyempurnakan penjaan lima perkara tersebut. Akhirnya, makalah ini mendapati

bahawa istilah filantropi yang ditakrif semula mengikut kerangka ZDGs ini adalah bermaksud satu “kelakuan amal jariah dan kedermawanan manusia di dunia ini dalam memenuhi fungsi mereka sebagai hamba dan khalifah Allah SWT, berpaksikan kepada tasawur Islam, dengan mengambil kira perjanjian mereka dengan Allah SWT di alam roh dan ganjaran yang Allah SWT janjikan di alam akhirat, semata-mata sebagai ibadah, untuk mencari hanya keredhaan Allah SWT”.

Kata kunci: Zakat, Filantropi, Matlamat Pembangunan Zakat (ZDGs)

1. PENGENALAN

Terdapat tiga perkara asas yang diperlu diambil kira dalam memperkasakan zakat. Pertama ialah kerangka, kedua ialah mekanisme dan ketiga, natijah.

Kerangka di sini merujuk kepada falsafah dan struktur atau landasan teoritis yang digunakan untuk memahami dan melaksanakan prinsip-prinsip pemeraksanaan zakat. Falsafah dan struktur atau landasan teoritis ini merangkumi panduan atau aturan yang mengatur bagaimana prinsip-prinsip tersebut diterapkan secara individu mahu pun secara sosial dalam organisasi dan dalam kalangan pemegang taruh zakat.

Mekanisme pula merujuk kepada cara atau proses pemeraksanaan zakat. Ia merangkumi cara atau proses pengenalpastian dan pengiraan aset yang diwajibkan zakat (*zakatable assets*), pengumpulan zakat daripada *muzakki*, pengagihan zakat kepada *mustahiq*, penggunaan zakat dalam masyarakat Islam, dan pengurusan zakat secara efektif.

Natijah merujuk kepada hasil (*output, outcome*) daripada pelaksanaan mekanisme dalam lingkungan kerangka yang telah ditetapkan. Hasil tersebut termasuk manfaat sosial dan ekonomi serta keadilan sosial, sebagai natijah daripada kutipan dan agihan zakat untuk membantu mereka yang memerlukan.

Dalam pemikiran lazim, hasil dalam konteks ini merangkumi persoalan tentang keberkesanan sumbangan zakat yang digunakan

untuk mengurangkan kemiskinan, menyokong kebajikan sosial, dan mempromosi kesejahteraan ekonomi para *mustahiq*. Ia menggambarkan secara tersurat (tangible) faedah dan penambahbaikan kehidupan individu dan komuniti hasil daripada sumbangan zakat. Gambaran secara tersirat (intangible) tidak diambil kira.

Berdasarkan konteks tiga perkara asas zakat ini, di manakah kedudukan filantropi? Jawapannya, filantropi terletak dalam mekanisme. Namun begitu, walau terletak dalam mekanisme, filantropi ini tetap terikat dengan kerangka zakat. Natijahnya (outcome) juga mesti sesuai dengan matlamat pemerkasaan zakat itu sendiri.

Makalah ini cuba menunjukkan akan betapa perlunya istilah filantropi, sebagai salah satu mekanisme memperkasakan zakat, ditakrifkan semula mengikut kerangka teoretis, prinsip dan paksi Islam. Pentakrifan semula ini diyakini sangat perlu kerana sekurang-kurangnya dua sebab. Pertama, agar erti filantropi tidak tergelincir daripada landasan zakat. Kedua, agar sifat filantropi para pemegang taruh zakat mampu mencapai natijah memperkasakan zakat dengan sebenarnya. Kerangka teoretis, prinsip dan paksi ini terkandung di dalam Matlamat Pembangunan Zakat (ZDGs). Secara ringkasnya, pentakrifan semula konsep filantropi ini dicadangkan untuk dilakukan dalam kerangka ZDGs ini.

Usaha mentakrifkan semula filantropi dalam ZDGs ini terbatas hanya kepada penghujahan teoretis, berdasarkan kepada kajian karya-karya sekunder, pengamatan dan pengalaman peribadi penulis. Metodologinya pula terhad kepada analisa kandungan dan analisa tekstual, manakala gaya penulisan tertumpu kepada gaya penulisan popular akademik agar dapat dimanfaatkan oleh bukan sahaja khalayak pakar dalam bidang ini, tetapi juga oleh khalayak umum yang berminat.

2. FILANTROPI DALAM KERANGKA PEMERKASAAN ZAKAT MASA KINI

Berdasarkan konteks pemerkasaan zakat sekarang, apakah kerangka teoretis yang dipakai? Secara kasar, terdapat tiga kerangka yang boleh dikatakan kerangka zakat yang dipakai oleh para pemikir dan pengamal zakat kontemporari sekarang.

Pertama, kerangka Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals, SDGs). Kedua, kerangka ekonomi Islam dan ketiga, kerangka Maqasid al-Shari'ah.

SDGs tidak sepatutnya dipakai sebagai kerangka teoretis pemerkasaan zakat. Saniff, Wan Hasan dan Salleh (2020) malah mengumpamakan pemakaian kerangka SDGs dalam sebahagian usaha pemerkasaan zakat sekarang sebagai “cinta yang dilarang”. SDGs merupakan ciptaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang didominasi oleh pemikiran yang cenderung kepada Barat (western ethno-centric) (United Nations Development Programme (UNDP), 2017). Epistemologi dan tasawurnya adalah epistemologi dan tasawur Barat. Andaian, konsep-konsep dan matlamat akhirnya juga adalah andaian, konsep dan matlamat akhir Barat. SDGs yang bersifat begini tentulah tidak boleh dipakai sebagai kerangka kepada institusi Islam seperti zakat yang mempunyai epistemologi, tasawur, andaian, konsep dan matlamat tersendiri yang berteraskan kepada ajaran Islam.

Begitulah juga dengan ekonomi Islam arus perdana sekarang. Menurut Salleh (2014, 2015), alasan-alasannya adalah seperti berikut. Pertama, walaupun namanya ekonomi Islam, tetapi ia lebih cenderung kepada sifat “ekonomi neo-klasikal berasaskan fiqh” (fiqh-based neo-classical economy). Kerangkanya masih kerangka ekonomi neo-klasikal. Ia hanya diperkuatkan dengan nas-nas al-Quran, hadith dan hukum-hukum fiqh ke atas perkara-perkara yang dirasakan tidak bertentangan dengan ajaran Islam, tanpa mentakrifkan semula perkara tersebut mengikut Islam. Sebagai contoh, konsep-konsep kemiskinan, keadilan, pekerjaan, dan sebagainya. Takrif dan indikator yang dipakai bagi konsep-konsep ini masih takrif dan indikator yang berasaskan kepada epistemologi dan tasawur ekonomi konvensional, terutamanya ekonomi neo-klasikal (Salleh, 2015) yang dilakukan oleh ekonomi Islam arus perdana sekarang hanyalah menguatkannya dengan justifikasi nas-nas al-Quran dan hadith, tanpa mentakrifkan semula konsep-konsep ini mengikut Islam. Ia menggunakan pendekatan akomodatif-modifikasi (accomodative-modification approach). Ekonomi yang dikatakan Islam itu mengakomodasi apa-apa daripada ekonomi konvensional yang dirasakan tidak bertentangan dengan Islam, dan memodifikasikannya

agar menjadi Islamik, dengan menyokongnya dengan nas-nas al-Quran dan hadith.

Kedua, ekonomi Islam arus perdana sekarang ini membawa institusi Islam seperti zakat dan wakaf kepada sifat yang terlalu cenderung kepada ekonomi (economic-centric). Pengukuran pemerkasaan zakat (dan juga wakaf) dinilai dengan indikator-indikator tersurat (tangible) ekonomi seperti produktiviti kebendaan, pendapatan, kewangan dan sebagainya. Istilah-istilah yang dicipta juga cenderung kepada ekonomi, umpamanya konsep kewangan sosial Islam (Islamic social finance), zakat produktif dan zakat tidak produktif (productive and non-productive zakat), dan sebagainya. Malah, sudah ada pemikiran di Malaysia pada hari ini yang mencadangkan agar institusi Islam seperti wakaf mestilah dianggap sebagai produk ekonomi atau produk kewangan (economic/financial product), bukan produk agama (religious product). Pemikiran ini percaya bahawa wakaf di Malaysia sekarang ini tidak boleh dimajukan dengan baik kerana wakaf masih dianggap sebagai produk agama, bukan produk ekonomi atau produk kewangan. Implikasinya, sama ada sengaja atau tidak sengaja, konsep wakaf (dan nampaknya konsep zakat juga) direndahkan martabatnya kepada ekonomi semata-mata, bukan lagi kepada keagamaan-kemanusiaan (religious-humanistic) sebagaimana sepatutnya.

Maqasid al-Shari'ah pula sedikit sebanyak sememangnya telah dijadikan kerangka dalam pelbagai aspek kehidupan oleh pelbagai penulis. Antaranya ialah Auda (2008, 2014, 2018) yang menjadikan Maqasid al-Shari'ah sebagai kerangka kepada pembentukan dasar, undang-undang dan pembaharuan Islam kontemporari; Al-Qaradawi (1995) yang menjadikan Maqasid al-Shari'ah sebagai kerangka pembangunan sosio-ekonomi; dan Kamali (2008) yang menjadikan Maqasid al-Shari'ah sebagai kerangka kepada pembentukan keadilan dan tadbir urus. Begitulah juga dengan ramai lagi penulis lain, umpamanya sebagaimana dinyatakan oleh Ahmad dan Hanapi (2021), termasuklah Abdul Majid (2012, 2014) yang menghubungkan Maqasid al-Shari'ah dengan proses pengeluaran fatwa dan undang-undang jenayah syariah, Mustard dan Nor Muhamad (2014) yang menghubungkan Maqasid al-Shari'ah dengan ekonomi khususnya tentang isu pewarisan dalam

nominasi insurans, Mohamad (2014) yang menghubungkan Maqasid al-Shari'ah dengan *tarjih* (menentukan kecenderungan), Ismail (2014) yang menghubungkan Maqasid al-Shari'ah dengan kaedah penyelesaian masalah pertentangan antara nas (*tarjih maqasidi*), Laldin (2013) yang menghubungkan Maqasid al-Shari'ah dengan pengurusan dan perbelanjaan harta dalam Islam, Abdul Rahim, Ismail, dan Awang (2006) yang menghubungkan Maqasid al-Shari'ah dengan pendidikan dan pengajian syariah, Abd Rahman, Ahmad dan Muji Tahir (2009) yang menghubungkan Maqasid al-Shari'ah dengan kejayaan dan kegagalan zakat, dan sebagainya.

Namun begitu, kecenderungan kebanyakan penulisan tentang Maqasid al-Shari'ah ini banyak tertumpu hanya kepada tahap *al-daruriyah* sahaja, terutamanya kepada persoalan *Hifz al-Din* (Menjaga Agama), *Hifz al-Nafs* (Menjaga Nyawa), *Hifz al-'Aql* (Menjaga Akal), *Hifz al-Nasl* (Menjaga Keturunan), dan *Hifz al-Mal* (Menjaga Harta). Ia tidak bergerak secara lebih mendalam kepada tahap *al-hajiyyah* yang melengkapkan penjagaan kelima-lima perkara di atas, apatah lagi kepada tahap *al-tahsiniyyah* yang menyempurnakan penjagaan lima perkara tersebut.

Tidak dinafikan bahawa tahap *al-daruriyah* merupakan tahap Maqasid al-Shari'ah yang tertinggi kerana ia berkaitan dengan penjagaan keperluan asas dalam kelangsungan hidup dan kesejahteraan manusia di dunia dan di akhirat. Tanpa keperluan asas ini, kehidupan manusia akan berada dalam kerosakan, penderitaan, atau kebinasaan. Al-Qaradawi (2009) turut berpandangan bahawa *al-daruriyah* harus didahulukan daripada *al-hajiyyah* dan *al-tahsiniyyah*, serta harus didahulukan *al-hajiyyah* daripada *al-tahsiniyyah* (dipetik daripada Ahmad dan Hanapi, 2021).

Walau bagaimanapun, menumpukan hanya kepada *al-daruriyah* tanpa mengambil kira *al-hajiyyah* dan *al-tahsiniyyah* secara mendalam seperti mendalamnya tumpuan kepada *al-daruriyah*, akan menyempitkan kerangka Maqasid al-Shari'ah itu sendiri. Benar bahawa *al-hajiyyah* merujuk kepada keperluan sampingan atau pelengkap yang tidak sampai tahap darurat (*al-daruriyah*), tetapi ia sangat penting untuk mengelakkan kesukaran, kepayahan, atau tekanan dalam kehidupan manusia.

Al-hajiyyah boleh memudahkan urusan dan memberi kelonggaran, agar kehidupan tidak menjadi sempit atau menjadi terlalu berat. Begitu juga, benar bahawa *al-tahsiniyyah* merujuk kepada keperluan tambahan atau pelengkap sahaja, tetapi ia cukup penting untuk memperindah, memperelok, dan menyempurnakan kehidupan menurut adab, akhlak, keindahan moral, keadilan, kebajikan, dan nilai-nilai luhur Islam. Dengan mengambil kira ketiga-tiga *al-daruriyah*, *al-hajiyyah* dan *al-tahsiniyyah* ini barulah pelaksanaan Maqasid al-Shari'ah dapat direalisasikan dengan sempurna.

Penggunaan istilah filantropi dalam pemerkasaan zakat oleh itu harus berhati-hati agar tidak terperangkap dengan SDGs, atau dengan ekonomi Islam arus perdana kontemporari yang berbentuk ekonomi neo-klasikal berasaskan fiqah, atau dengan Maqasid al-Shari'ah yang dipakai secara terhad ini. Bagi mengelakkan perkara ini daripada berlaku, filantropi Islami patut diletakkan di dalam kerangka Islam agar takrif, konsep dan matlamat filantropi tersebut benar-benar berteraskan kepada Islam.

3. WACANA TENTANG MAKNA FILANTROPI

Secara kasar, filantropi boleh dirujuk sebagai tindakan membuat kebajikan kepada orang lain. Kebajikan ini bukan hanya terhad kepada kewangan, malah meliputi masa, tenaga, atau sumber-sumber lain yang boleh memberi manfaat kepada individu dan masyarakat. Akar umbinya adalah keinginan untuk melakukan aktiviti amal, meningkatkan kualiti hidup dan menangani cabaran sosial, ekonomi, atau alam sekitar.

Istilah filantropi ini, dalam pemikiran sentrik-Barat, berasal daripada perkataan Yunani, yakni “philos”, bermaksud penyayang, dan “anthropos” yang bermaksud manusia. Apabila digabungkan perkataan ini, ia menjadi filantropi, yang memberi maksud “cinta untuk kemanusiaan” (love for humanity).

Setakat ini, dalam konteks Islam ada ilmuwan, umpamanya Ismail, Abdullah dan Zaenal (2022) yang membahagikan filantropi Islam kepada tiga bentuk. Pertama, zakat, yakni filantropi yang dikatakan membawa

kelegaian daripada penderitaan (relief). Kedua, wakaf, yakni filantropi yang dikatakan membawa kepada penambahbaikan. Ketiga, sedekah, yakni filantropi yang dikatakan membawa kepada reformasi.

Walau bagaimanapun, ada juga ilmuwan yang mempersoalkan tentang penggunaan istilah filantropi dalam usaha merealisasikan Islam ini. Misalnya, Siddiqui dan Campbell (2023) mengatakan bahawa sebenarnya tidak terdapat perkataan filantropi dalam kebanyakan teks atau budaya teologi dan keagamaan. Kebanyakan budaya dan agama memasukkan amalan-amalan yang sesuai dengan takrif filantropi moden tetapi menggunakan perkataan-perkataan lain untuk menjelaskan tentang amalan-amalan ini.

Pendapat mereka ini adalah benar. Jika diteliti dalam tradisi Islam sendiri misalnya, perkataan zakat, sedekah, wakaf, ihsan dan *qard al-hasan* digunakan. Tradisi Kristian pula menggunakan perkataan seperti *tithing*, *charity* (caritas), *almsgiving* dan *diakonia*. Tradisi Yahudi (Jewish) menggunakan perkataan seperti *tzedakah*, *gemilut chasadim*, dan *ma'aser*. Tradisi Hindu menggunakan perkataan seperti *dana*, *seva*, *dakshina*, dan *annadanam*. Tradisi Buddhist menggunakan perkataan seperti *dana*, *sangha dana*, dan *meta*. Tradisi China dan Confucian menggunakan perkataan seperti *cishan*, *ren* dan *shanshi*. Tradisi peribumi dan Afrika menggunakan perkataan seperti *ubuntu* (Afrika Selatan), *harambee* (Afrika Timur, Kenya), dan *potlatch* (peribumi Amerika Utara). Tradisi sekular moden menggunakan perkataan seperti *corporate social responsibility* (tanggungjawab sosial korporat, CSR), altruisme dan *social welfare* (kebajikan sosial) dan *mutual aid* (saling membantu).

Kesemua perkataan ini tidak dinafikan mempunyai semangat filantropi, yakni semangat membantu orang lain melalui amal jariah (charity), perkhidmatan (service), dan kemurahan hati (generosity). Kesemua ini merupakan nilai universal yang dianuti oleh banyak budaya dan agama. Banyak tradisi bukan sahaja menekankan kepada memberi (giving), tetapi juga adil, belas kasihan (compassion), dan kesejahteraan masyarakat (the well-being of society).

Walau bagaimanapun, menurut Siddiqui (2022), takrif filantropi yang berasaskan kepada pemikiran Barat adalah sangat terhad, kerana ia sangat cenderung kepada pendekatan saintifik. Ia hanya tertumpu kepada hal-hal *tangible* [fizikal, kebendaan, boleh diperhatikan (observable), tersurat, dan sebagainya]. Ia tidak merangkumi banyak amalan orang-orang Islam yang *intangible* [spiritual, ghaib (unseen), tidak nampak (invisible), tersirat, dan sebagainya]. Umpamanya, mendapat pahala walaupun dengan sebuah senyuman atau membuang halangan di jalanan. Bagi Islam, kedua-dua perbuatan ini juga merupakan amal jariah (charity), walaupun pahala itu tidak boleh dilihat.

Oleh itu, Siddiqui (2022) menyarankan agar filantropi orang-orang Islam diterokai dengan meneliti balik sumber-sumber teologi dan budaya Islam sendiri agar konsep filantropi Islam dapat difahami secara lebih luas mengikut konteks Islam. Saranan ini merupakan cabaran kepada takrif filantropi Barat. Ia melampaui takrif sentrik-Barat, dengan melibatkan secara inklusif perspektif budaya dan kepercayaan Islam sendiri.

Siddiqui bersama para pengkaji sealiran pemikirannya telah memulakan keyakinan ini dengan meneliti tentang filantropi dan institusi filantropi Muslim masa kini dalam konteks sejarah amalan Islam yang luas dan pelbagai (Siddiqui, Wasif, dan Hughes, 2024). Para ilmuwan ini cuba mengkaji wacana agama tentang filantropi dan membina satu kefahaman yang lebih luas tentang filantropi. Melalui usaha ini, mereka meneliti amalan filantropi orang-orang Islam dan cuba memahami sebab orang-orang Islam beramal dengan filantropi, sama ada untuk kebaikan umum (public good), atau untuk keuntungan peribadi (personal gain), atau untuk melahirkan masyarakat yang adil (a just society), atau untuk merealisasikan kecintaan kepada Allah SWT (the love of God).

Lebih daripada itu, mereka menyarankan agar diteliti secara kritikal hubungan filantropi dengan agama. Misalnya, meneliti hubungan antara sejarah amal jariah (charity), filantropi, dan kebaikan sosial (social good) yang sangat banyak dalam Islam dan budaya orang-orang Islam, dengan pemikiran moden tentang filantropi yang kebanyakannya

pemikiran Barat yang nampak seperti “professional”. Begitu juga, mereka merasakan patut diteliti secara kritikal dan mendalam tentang filantropi yang merupakan sebahagian daripada program Perang Global Terhadap Keganasan (Global War on Terror), yang kononnya membantu sesebuah negara memenuhi tanggungjawab kebaikan sosial (social good), dan juga masalah Islamophobia yang seringnya dikaji melalui kanta filantropi saintifik.

Penelitian yang disarankan ini adalah penting kerana kebanyakan kajian berkaitan filantropi orang-orang Islam nampaknya sekarang banyak tertumpu kepada menyesuaikan amalan amal jariah Islami (Islamic charitable practices) dengan takrif filantropi moden. Hasilnya, lahir sebuah takrif filantropi yang mengatakan filantropi sebagai “tindakan sukarela untuk kepentingan awam” (voluntary action for the public good). Takrif filantropi ini merupakan takrif filantropi kontemporari yang popular dan berpengaruh sekarang ini, padahal dalam Islam, tidak semua filantropi bersifat sukarela. Zakat misalnya adalah sesuatu yang wajib, bukan sesuatu yang sukarela.

Tambahan lagi, takrif filantropi di atas tersebut dibina dalam konteks pengalaman Euro-American, daripada wacana Kristian sekular tentang kemiskinan, *charity*, kebajikan dan kesukarelawan.

Bolehkah takrif Euro-America ini dipakai untuk filantropi Islam? Jawapannya, tentulah tidak boleh. Pertama, ia menghalang kajian yang lebih bernuansa tentang kedermawanan Muslim sebagai amalan dinamik. Kedua, ia mengabaikan kepelbagaian tindakan sosial yang membentuk sedekah, atau amal jariah orang Islam.

Oleh itu, penggunaan konsep filantropi dalam usaha memperkasakan zakat perlu difikir semula. Maksud filantropi perlu ditakrifkan semula secara Islam. Antara caranya adalah dengan mentakrifkan konsep filantropi ini daripada kerangka teoretis Islam sendiri. Antara kerangka teoretis Islam yang dirasakan paling sesuai ialah kerangka Matlamat Pembangunan Zakat, atau *Zakat Development Goals* (ZDGs).

4. FILANTROPI DALAM MATLAMAT PEMBANGUNAN ZAKAT (ZDGs)

ZDGs ini telah dibangunkan oleh Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) Universiti Sains Malaysia bersama Akademi Zakat (AZKA) Pusat Pengurusan Zakat (PPZ) Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). ZDGs ini mempunyai kerangka teoritis, paksi, prinsip dan matlamat-matlamatnya yang tersendiri.

Kerangka teoritis ZDGs ini ialah disiplin pembangunan berteraskan Islam, bukan disiplin ekonomi Islam. Sebabnya, pertama, disiplin ekonomi Islam sangat terhad, tertumpu kepada persoalan ekonomi semata. Kedua, disiplin ekonomi hanyalah merupakan salah satu subset kepada disiplin pembangunan berteraskan Islam, selain daripada subset sosial, politik, budaya, pendidikan, kesihatan, alam sekitar, dan sebagainya. Ketiga, disiplin pembangunan berteraskan Islam bersifat inklusif, merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia, daripada pembangunan kerohanian hinggalah kepada pembangunan sosio-budaya-ekonomi-politik pada setiap peringkat struktur kehidupan, daripada peringkat dalam diri, sehinggalah kepada peringkat keluarga, peringkat komuniti, peringkat masyarakat, peringkat negeri, peringkat negara, dan peringkat alam sejagat.

Paksi ZDGs pula ialah Maqasid al-Shari'ah yang melampaui tahap *al-daruriyah*, menjangkau kepada tahap *al-hajiyyah* dan *al-tahsiniyyah*. Maksudnya, Maqasid al-Shari'ah di dalam ZDGs ini bukan hanya memenuhi penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta sahaja, tetapi juga menyempurnakan kelima-lima perkara ini pada tahap *al-hajiyyah* dan *al-tahsiniyyah* dengan masing-masing membina kemudahan dan keselesaan, dan akhirnya lahir masyarakat Islam yang bermoral, beretika, dan berakhlak.

Prinsip ZDGs ini pula merangkumi kesemua aspek sebuah pembangunan berteraskan Islam. Aspek-aspek tersebut ialah acuan, pelaku, skala waktu, kerangka, perkaedahan, peralatan, dan matlamat akhir. Acuan pembangunan berteraskan Islam ialah tasawur Islam. Pelakunya ialah manusia bersifat hamba dan khalifah Allah SWT. Skala waktunya ialah alam roh, alam dunia, dan alam akhirat. Kerangkanya ialah ilmu fardhu 'ain. Perkaedahannya ialah ibadah. Peralatannya ialah sumber alam. Matlamat akhirnya adalah keredhaan Allah SWT (*mardhatillah*) (Salleh, 2003).

Berdasarkan kepada asas falsafah dan prinsip pembangunan berteraskan Islam ini, dan dengan berpaksikan Maqasid al-Shari'ah yang sempurna, maka secara kasar filantropi Islami boleh ditakrifkan sebagai “kelakuan amal jariah dan kedermawanan manusia di dunia ini dalam memenuhi fungsi mereka sebagai hamba dan khalifah Allah SWT, berpaksikan kepada tasawur Islam, dengan mengambil kira perjanjian mereka dengan Allah SWT di alam roh dan ganjaran yang Allah SWT janjikan di alam akhirat, semata-mata sebagai ibadah, untuk mencari hanya keredhaan Allah SWT.”

Dalam konteks zakat, kelakuan amal jariah sebegini merujuk kepada manfaat kutipan dan agihan zakat yang berterusan dan berpanjangan, misalnya manfaat yang dihasilkan daripada kutipan dan agihan zakat untuk pendidikan, ekonomi, dan pengupayaan *mustahiq*. Amal jariah itu bermaksud amalan kebajikan yang pahalanya berterusan mengalir walaupun pelakunya telah meninggal dunia, umpamanya sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Apabila matinya seorang manusia, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah, atau ilmu yang dimanfaatkan dengannya, atau anak soleh yang sentiasa mendoakannya.”

(Riwayat Muslim (4310), Abu Dawud (2882), al-Nasa'i (6445)
dan al-Baihaqi dalam al-Sunan al-Kubra (12635)

Sifat kedermawanan seseorang *muzakki* pula menjadi pendorong kuat kepada pembayaran zakat, selain daripada didorong oleh faktor-faktor lain seperti iman dan takwa serta rasa dan kesedaran tanggungjawab, keyakinan terhadap pihak pengurusan zakat dan sebagainya.

Perkara paling penting dalam takrif filantropi dalam kerangka ZDGs ini ialah teras kepada kelakuan amal jariah dan sifat kedermawanan itu sendiri. Terasnya ialah fungsi manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT, tasawur Islam, perjanjian di alam roh, ganjaran di akhirat, ibadah dan keredhaan Allah SWT. Teras ini menjadi tapak kepada perbezaan antara takrif filantropi dalam kerangka ZDGs dengan takrif filantropi dalam kerangka etnosentrik Barat. Takrif filantropi dalam

kerangka ZDGs ini meliputi bukan sahaja perkara-perkara *tangible* secara saintifik, tetapi juga perkara-perkara *intangible* secara divinistik. Persoalan tauhid dan kerohanian diambil kira (selain daripada persoalan fiqh dan tasawuf), malah dianggap sebagai paksi kepada filantropi Islami ini.

5. RUMUSAN

Tidak dinafikan bahawa sifat amal jariah (charity) dan kedermawanan (filantropi) merupakan sifat yang dianjurkan Islam. Walau bagaimanapun, penggunaannya dalam usaha pemerkasaan institusi-institusi Islam seperti zakat, perlu ditakrifkan semula menurut ajaran Islam agar usaha tersebut benar-benar berlandaskan Islam, bukan berlandaskan pemikiran sentrik-Barat dengan penggunaan pendekatan akomodatif-modifikasi seperti yang menjadi tren dominan sekarang. Takrif, dan seterusnya strategi operasional filantropi, harus melampaui peringkat *al-daruriyah* (keperluan). Ia mesti juga menekankan kepada peringkat *al-hajiyyah* (kelengkapan/kemudahan/keselesaian) dan peringkat *tahsiniyat* (kesempurnaan) Maqasid al-Shari'ah secara komprehensif.

Sesungguhnya, hanya takrif yang betul boleh membentuk strategi operasional yang benar. Hanya strategi operasional yang benar boleh mencapai hasil yang diredhai Allah SWT, insya-Allah.

Kajian tentang pentakrifan semula filantropi ini boleh dilanjutkan lagi dengan kajian-kajian seterusnya. Sekurang-kurangnya terdapat tujuh bentuk kajian yang boleh dilakukan. Pertama, kajian teoretikal (theory building), umpamanya bertajuk “Filantropi Islam dan Pembangunan Tauhidik: Satu Rekonstruksi Teoretikal dalam Kerangka ZDGs” atau “Dari Filantropi ke Pembangunan Zakat: Satu Analisis Ontologi dan Epistemologi”. Kedua, kajian pengukuran dan indikator (measurement studies), umpamanya bertajuk “Indeks Filantropi Zakat: Satu Cadangan Model Pengukuran Berasaskan ZDGs” atau “Mengoperasikan Filantropi dalam ZDGs: Petunjuk dan Kerangka Kerja Pengukuran”. Ketiga, kajian institusi zakat, umpamanya bertajuk “Transformasi Agihan Zakat: Dari Bantuan Kebajikan kepada Filantropi Pembangunan” atau “Tadbir Urus Filantropi Zakat dalam

Kerangka ZDGs”. Keempat, kajian perbandingan (comparative studies), umpamanya bertajuk “Filantropi dalam SDGs dan ZDGs: Satu Analisis Perbandingan Konseptual” atau “Filantropi Islam Lawan Filantropi Sekular: Perspektif ZDGs”. Kelima, kajian impak pembangunan (development impact studies), umpamanya bertajuk “Filantropi Zakat dan Kelestarian Kehidupan Asnaf”, atau Filantropi Berasaskan Zakat dan Pembangunan Komuniti: Bukti-Bukti daripada ZDGs”. Keenam, kajian dasar (policy studies), umpamanya bertajuk “Mengarusperdanakan Filantropi Zakat dalam Dasar Pembangunan Ummah” atau “Kerangka Dasar Filantropi Berasaskan Zakat dalam Mencapai ZDGs”. Ketujuh, kajian strategik (strategic studies), umpamanya bertajuk “Membangunkan Model Filantropi Berasaskan Zakat untuk Pembangunan Ummah”. Pendeknya, dengan menjadikan makalah ini sebagai asas, kajian lanjutan tentang filantropi dalam kerangka ZDGs ini sangat besar sekali potensinya.

6. PENGHARGAAN

Penulis merakamkan ribuan terima kasih kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS) Majlis Ugama Islam Selangor (MUIS) atas jemputan menyampaikan idea awal makalah ini di *Zakat Intellectual Discourse Series 3* (ZIDS 3.0) pada 27 Februari 2025, dan kepada Akademi Zakat (AZKA) Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang memberi kepercayaan kepada penulis dan kumpulan penyelidik dari Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) Universiti Sains Malaysia (USM) (R682 Perundingan Pembinaan Matlamat Pembangunan Zakat (ZDGs) Untuk PPZ-MAIWP), untuk bersama-sama membina Matlamat Pembangunan Zakat (ZDGs) yang dibincangkan dalam makalah ini.

7. RUJUKAN

- Abd Rahman, R., Ahmad, S., & Muji Tahir. H. (2009). Penilaian komprehensif keberkesanan agihan zakat mengikut perspektif Maqasid al-Shari'ah. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 3(2), 47 – 63.
- Abdul Majid, M.Z. (2012). Ijtihad dan fatwa berorientasikan Maqasid. *Majalah Dakwah*, 15, 72 – 77.
- Abdul Majid, M.Z. (2014, Mei 29). *Pelaksanaan undang-undang jenayah Syariah di Malaysia ditinjau dari perspektif Maqasid al-Shari'ah* [Pembentangan Kertas Kerja]. Muzakarah Jenayah Syariah Kebangsaan 2014, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Selangor, Malaysia.
- Abdul Rahim, R. A., Ismail, P., & Awang, I. (2006, Ogos 8). *Pendekatan baru Maqasid al-Shari'ah dalam Pengajian Syariah di Malaysia* [Pembentangan Kertas Kerja]. International Conference: Islamic Jurisprudence and the Challenges of the 21st Century, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Selangor, Malaysia.
- Ahmad, N. & Hanapi, M.S. (2021). *Maqasid al-Shari'ah dalam pembangunan Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Qaradawi, Y. (1995). *Dawr al-qiyam wa al-akhlaq fi al-iqtisad al-Islami* (Peranan nilai dan etika dalam ekonomi Islam). Maktabah Wahbah.
- Al-Qaradawi, Y. (2009). *Fiqh keutamaan: Memahami peringkat amal mengikut al-Qur'an dan al-Sunnah*. Jahabersa.
- Auda, J. (2008). *Maqasid al-Shariah as philosophy of Islamic law: A systems approach*. The International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Auda, J. (2014). *Memahami Maqasid al-Shari'ah: Peranan Maqasid al-Shari'ah dalam pembaharuan Islam kontemporari*. (Marwan Bukhari A. Hamid, Terj.). PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Auda, J. (2018). *Fiqh al-maqasid: A contemporary approach*. International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Ismail, A.G., Abdullah, R., & Zaenal, M. H. (Eds.). (2022). *Islamic philanthropy: Exploring zakat, waqf, and sadaqah in Islamic finance and economics*. Palgrave Macmillan.
- Ismail, P. (2014). Penyelesaian masalah pertentangan antara nas berasaskan prinsip Maqasid al-Shari'ah. *Jurnal Fiqh*, 11, 75 – 96.

- Kamali, M. H. (2008). Maqasid al-Shari'ah: The objectives of Islamic law. *Islam and Civilisational Renewal*, 1(2), 191 – 206.
- Laldin, M. A. (2013). Pengurusan dan perbelanjaan harta dalam Islam: Keutamaan dan pendekatan. Dlm. *Maqasid al-Shari'ah: Isu-isu kepenggunaan: Realiti dan cabaran*. Persatuan Ulama' Malaysia.
- Mohamad, Z. (2014). *Maqasid al-Shari'ah: Satu pengenalan umum*. Pustaka Cahaya Kasturi.
- Mustard, S. dan Nor Muhamad, N. S. (2014). *Maqasid al-Shari'ah dalam pewarisan harta: Analisis terhadap amalan penamaan insurans di Singapura*. Universiti Teknologi MARA Press.
- Salleh, M. S. (2003). *Tujuh prinsip pembangunan berteraskan Islam*. Zebra.
- Salleh, M. S. (2014). Nine deficiencies of mainstream Islamic economics. Dlm. Sunarko, B. S. & Bahari. Z. (Eds.), *Ekonomi Syari'ah terkini – Perspektif, metodologi dan praktik* (hlm. 1 – 18). Jember University Press.
- Salleh, M. S. (2015). Concepts in Islamic economics revisited: The case of poverty. Dlm. Egri, T. & Kizilkaya. N. (Eds.), *Islamic economics: Basic concepts, new thinking and future directions* (hal. 181 – 199). Cambridge Scholars Publishing.
- Saniff, S. M., Wan Hasan, W. N., & Salleh, M. S. (2020). Zakat and SDGs: A love story. *PalArch's Journal of Archaeology of Egypt/Egyptology*, 17(7), 10979 – 10988.
- Siddiqui, S. (2022). Muslim philanthropy: Living beyond a Western definition. *Voluntary Sector Review*, 13(3), 338 – 354. <https://doi.org/10.1332/204080521X16366613535698>
- Siddiqui, S. A., & Campbell, D. A. (2023). *Philanthropy in the Muslim world: Majority and minority Muslim communities*. Edward Elgar Publishing.
- Siddiqui, S. A., Wasif, R., & Hughes, M. A. (2024). *Understanding Muslim philanthropy*. Edward Elgar Publishing.
- United Nations Development Programme (UNDP). (2017). *Sustainable Development Goals: A Handbook*. United Nations Development Programme. <https://www.undp.org/publications/sustainable-development-goals-handbook>

